A

CHARLES TAN CHEE WEI

lwn.

GEORGE TAN CHEE HAW & SATU LAGI

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
ABDUL KARIM JALIL PK
[SAMAN PEMULA NO: 24-NCvC-188-12-2011]
5 FEBRUARI 2013

C ***UNDANG-UNDANG SYARIKAT:*** *Akaun - Hak pengarah untuk memeriksa - Pengarah dihalang mengakses dokumen berkenaan akaun - Sama ada pengarah mempunyai hak di bawah s. 167 Akta Syarikat 1965 untuk memeriksa dokumen-dokumen syarikat - Sama ada peruntukan s. 167(3) boleh dibaca bersama s. 167(6) - Sama ada*
D *s. 167(6) terpakai*

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Pengarah-pengarah - Hak - Pemeriksaan dokumen berkaitan akaun syarikat - Sama ada pengarah mempunyai hak di bawah s. 167 Akta Syarikat 1965 untuk memeriksa*
E *dokumen-dokumen syarikat - Sama ada peruntukan s. 167(3) boleh dibaca bersama s. 167(6) - Sama ada s. 167(6) terpakai*

Plaintif dan defendan pertama merupakan adik-beradik dan pemegang saham atas nisbah 50% setiap seorang dalam syarikat defendan kedua. Sejak tahun 2008, pertikaian serius berkenaan
F operasi dan pengurusan syarikat defendan kedua telah timbul dan akibatnya, plaintif telah dihalang dan tidak diberikan akses secara berterusan kepada dokumen-dokumen syarikat serta diketepikan dalam segala urusan syarikat defendan kedua. Melalui saman pemula ('kandungan 1'), plaintif telah memohon di bawah s. 167
G Akta Syarikat 1965 ('Akta') untuk, antara lain, perintah mengarahkan defendan-defendan supaya tidak menghalang plaintif daripada mengakses kesemua dokumen milikan dan/atau berhubung dengan defendan kedua termasuk dan tidak terhad kepada rekod syarikat, penyata akaun bank, buku akaun dan lain-lain. Manakala,
H defendan telah memfailkan permohonan melalui kandungan 18 untuk membatalkan kandungan 1 di bawah A. 18 k. 19(1)(a), (b) dan/atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Isu penting yang dibangkitkan untuk pertimbangan adalah sama ada plaintif, yang merupakan salah seorang daripada dua orang pengarah dalam
I defendan kedua, mempunyai hak untuk mengakses dokumen-dokumen syarikat tersebut.

Diputuskan (membenarkan permohonan plaintif dalam kandungan 1; menolak permohonan defendan dalam kandungan 18):

(1) Pengarah merupakan tunjang sesebuah syarikat dan mempunyai tugasan dan tanggungan yang amat berat dalam pengurusan dan operasi sesebuah syarikat. Sesebuah syarikat adalah entiti yang "artificial" dan tidak boleh bertindak dengan sendirinya. Ia memerlukan orang yang sebenar untuk mewakili dan bertindak bagi pihaknya. Tugasan fidusiari pengarah ini mestilah memberi manfaat terutamanya kepada syarikat dan dalam keadaan tertentu, pemegang-pemegang saham dan pemiutang-pemiutang. (perenggan 11)

(2) Seksyen 167, khususnya s. 167(3) Akta memberi hak mandatori atau mutlak kepada mana-mana pengarah untuk mendapat akses bagi memeriksa dan membuat salinan, di mana perlu. Penghujahan bahawa s. 167(3) dan s. 167(6) harus dibaca bersama adalah bertentangan dengan maksud sebenar peruntukan dan ternyata tersasar. Seksyen 167(3) Akta harus dibaca secara berasingan dan tidak tertakluk kepada s. 167(6). Pengarah berkenaan bebas dan berhak memohon untuk akses dan memeriksa tanpa halangan dan tanpa syarat yang boleh menafikan hak itu. Seksyen 167(6) merupakan peruntukan berasingan dan terpakai dalam keadaan tertentu dan pemakaiannya perlu memenuhi syarat yang dinyatakan di situ. Plaintif tidak memohon di bawah s. 167(6) dan dengan itu, seksyen tersebut tidak terpakai. (perenggan 14 & 16)

(3) Didapati, atas imbangan kebarangkalian, bahawa plaintif tidak membuat permohonan untuk menyalahguna kuasa yang diberikan oleh undang-undang atau untuk merosakkan atau menjejaskan defendan kedua. Memandangkan plaintif dan defendan pertama merupakan dua orang pengarah defendan pertama serta dua pemegang sahamnya, mereka juga merupakan ahli lembaga pengarah. Selaras dengan kehendak tadbir urus syarikat, mereka sepatutnya berkerjasama dan bukan menjejaskan defendan kedua. Tindakan plaintif yang bertujuan untuk kebaikan defendan kedua adalah selaras dengan skema perundangan Akta Syarikat 1965 berkenaan dengan tanggungjawab seseorang pengarah. (perenggan 17)

Kes-kes yang dirujuk:

Bandar Builder Sdn Bhd & 2 Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 4 CLJ 7 SC ***(dirujuk)***

Dato' Tan Kim Hor & Ors v. Tan Chong Consolidated Sdn Bhd [2004] 1 CLJ 317 HC ***(dibezakan)***

Ernest v. Nicholls [1857] 6 HL Cas 401 ***(dirujuk)***

Ferguson v. Wilson [1866] LR 2 Ch App 77 ***(dirujuk)***

Haw Par Bros (Pte) Ltd v. Dato Aw Kow [1973] 1 LNS 44 HC ***(dirujuk)***

Leong Sun Wing v. Wah Hup Engineering Works Sdn Bhd (Unreported) ***(dirujuk)***

Mageswary Kannaiah v. Vithylingam Mayandy & Anor [2009] 9 CLJ 40 HC ***(dirujuk)***

Paul Nicholson lwn. Faber Medi-Serve Sdn Bhd & Satu Lagi [2002] 5 CLJ 383 HC ***(dist)***

Standard Chartered Bank v. KTS Sdn Bhd [2006] 4 CLJ 79 FC ***(dirujuk)***

Tan Guan Eng & Anor v. Ng Kweng Hee & Ors [1991] 3 CLJ 1881; [1991] 4 CLJ (Rep) 74 HC ***(dirujuk)***

Wuu Khek Chiang George v. ECRC Land Ltd [1999] 3 SLR 65 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Companies Act 1965, ss. 4, 131B, 132(1), (1A), (1B), 132A, 132B, 132C, 132D, 132E, 132F, 167(3), (6), 359, 362

Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 19(1)(a), (b), (d)

Sumber-sumber yang dirujuk:

Chan & Koh on Malaysian Company Law, Principles & Practice, 2nd edn, pp 580, 772

Sourcebook of Singapore and Malaysian Company Law (1986), p 304

Bagi pihak plaintif - Justin Wee Kim Fang; T/n Lim Chong Phang & Amy
Bagi pihak defendan - Mogan Karupiah; T/n Mogan Karupiah

Dilaporkan oleh Thirunavakarasu Vijayan

PENGHAKIMAN

Abdul Karim Jalil PK:

[1] Pada asalnya terdapat tiga permohonan untuk pertimbangan mahkamah ini (iaitu kandungan 1, 4, dan 18). Bagaimanapun memandangkan kesemua permohonan tersebut berkait rapat antara satu sama lain, semua pihak telah bersetuju bahawa mahkamah ini hanya perlu menentukan dua permohonan utama sahaja iaitu saman pemula kandungan 1 bertarikh 5 Disember 2011 dan kandungan 18 bertarikh 25 Julai 2012.

Kandungan 1 Dan Kandungan 18

[2] Dalam saman pemula, kandungan 1, plaintif menuntut, antara lain, perintah-perintah berikut terhadap defendan-defendan:

(1) satu perintah untuk mengarah defendan-defendan, sama ada melalui dirinya sendiri, pekerja, ejen atau sebaliknya, untuk tidak menghalang plaintif daripada mengakses kesemua dokumen milik dan/atau berhubung dengan defendan kedua termasuk dan tidak terhad kepada rekod syarikat, penyata akaun bank, buku akaun, ledger, invois, resit, buku cek, daftar pekerja dan surat-menyurat;

(2) satu perintah untuk mengarahkan defendan-defendan, sama ada melalui dirinya sendiri, pekerja, ejen atau sebaliknya, untuk memberikan plaintif akses penuh ke atas kesemua dokumen milik dan/atau berhubung dengan defendan kedua, termasuk dan tidak terhad kepada rekod syarikat, penyata akaun bank, buku akaun, ledger, invois, resit, buku cek, daftar perkerja dan surat menyurat;

(3) satu perintah untuk mengarahkan defendan-defendan, sama ada melalui dirinya sendiri, pekerja, ejen atau sebaliknya, untuk tidak memusnahkan, mengubah, mengalihkan, menyembunyikan, merosakkan, menukarkan apa-apa asset, dokumen, buku, akaun, rekod dan daftar milik defendan kedua;

(4) satu perintah untuk mengarahkan defendan pertama untuk mendeposkan, memfailkan dan menyampaikan kepada plaintif satu afidavit yang mengandungi senarai penuh, lengkap dan tepat kesemua asset-aset, dokumen-dokumen dan akaun bank milik defendan kedua dan lokasinya, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, dalam masa tiga hari berkerja dari tarikh perintah ini disampaikan kepadanya;

(5) satu perintah untuk menghalang defendan-defendan daripada mengeluarkan apa-apa cek defendan kedua tanpa tandatangan plaintif;

(6) kos serta apa-apa relif dan/atau perintah yang difikirkan suai manfaat oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

[3] Manakala dalam saman dalam kamar, kandungan 18, defendan pertama, secara ringkasnya, telah memohon, antara lain:

(a) untuk membatalkan perintah injunksi interlokutori *ex parte* di kandungan 9;

(b) untuk menolak permohonan plaintif di kandungan 4 yang kini ditetapkan untuk didengar *inter partes*;

(c) satu perintah bahawa tindakan plaintif di sini, melalui saman pemula di kandungan 1 bertarikh 15 Disember 2011, terhadap defendan pertama, dibatalkan di bawah A. 18 k. 19(1)(a) dan/atau (b) dan/atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, atas alasan, antara lain, bahawa tindakan ini terhadap defendan pertama:

(i) Tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan yang sah atau munasabah;

(ii) Mengaibkan, remeh dan menyusahkan, dan/atau

(iii) Ia selainnya ialah satu penyalahgunaan proses mahkamah.

(d) Kos serta apa-apa relif dan/atau perintah yang difikirkan suai manfaat oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

Fakta Latar Belakang

[4] Kes ini mempunyai sejarah pertikaian keluarga yang berliku. Berdasarkan afidavit-afidavit yang difailkan dan setakat yang berkaitan:

(a) Syarikat Joemon Rolls Sdn Bhd (defendan kedua) telah diperbadankan di Malaysia pada 9 Julai 2005 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad menurut syer dan mempunyai alamat berdaftar di No. 12, Jalan GP 1, Taman Gadong Perdana, 75200 Melaka dan alamat perniagaan di Lot 3-51, Jalan TTC 24, Taman Teknologi Cheng, 75250 Melaka.

(b) Aktiviti perniagaan utama defendan kedua termasuk menjual dan memasarkan peralatan percetakan khas (trading of specialised printing cylinders).

(c) Plaintif dan defendan pertama ialah adik beradik dan pemegang saham atas nisbah 50% setiap seorang dalam syarikat defendan kedua.

(d) Pada masa matan, defendan hanya mempunyai dua pengarah iaitu plaintif yang telah dilantik sejak 2008 manakala defendan pertama sejak 2006.

(e) Pertikaian serius berkenaan operasi dan pengurusan syarikat telah timbul antara mereka sejak 2008. Plaintif mengatakan dia telah dihalang dan tidak diberikan akses secara berterusan kepada dokumen-dokumen syarikat serta diketepikan dalam segala urusan syarikat. Plaintif juga mengatakan bahawa menjadi tanggungjawabnya sebagai pengarah syarikat untuk memastikan pematuhan kepada kehendak Akta Syarikat 1965 terutamanya pembentangan penyata akaun dalam mesyuarat agung tahunan diikuti oleh syarikat dan ini tidak dapat dijalankan dengan halangan oleh defendan pertama. Ini mendedahkan defendan kedua kepada denda dan pendakwaan di mahkamah.

(f) Plaintif juga mendakwa mendapat tahu tentang beberapa salah laku tadbir urus yang dikatakan dilakukan atau didalangi oleh defendan pertama. Plaintif mendakwa telah dihalang daripada mempunyai akses kepada kesemua pelan lukisan rekaan khas bagi acuan percetakan di mana kehilangan atau penyalahgunaan dokumen itu sangat berbahaya dan akan memprejudiskan perniagaan dan operasi defendan kedua. Begitu juga dikatakan ada kerahsiaan berkenaan akaun bank kepunyaan defendan kedua dan ketiadaan resolusi yang membenarkan pembukaan akaun tertentu. Salah laku tadbir urus ini telah diperincikan dengan panjang lebar dalam afidavit-afidavit plaintif.

(g) Pertelingkahan berterusan dengan tingkah laku defendan dan kuncu-kuncunya yang didakwa cuba menghalang usaha-usaha plaintif dan ini telah menyebabkan plaintif membuat permohonan di mahkamah (kandungan 4) untuk perintah injunksi tertentu. Perintah injunksi di kandungan 9 telah diberikan oleh mahkamah kepada plaintif terutamanya memberi akses kepada plaintif kepada kesemua dokumen syarikat dan defendan-defendan serta ejennya dihalang daripada menggangu dan menggagalkan perintah injunksi tersebut. (Kandungan 4 dan 9 harus dirujuk bagi alasan dan perintah terperinci).

(h) Defendan pertama memberi reaksi yang keras ke atas tindakan plaintif. Defendan pertama menafikan semua dakwaan plaintif dan mengatakan bahawa plaintif tidak pernah dihalang untuk mengakses kepada semua dokumen syarikat yang berkenaan. Plaintif bukan sahaja dikatakan memberi pengataan yang tidak benar dan tidak berasas tetapi juga terkeliru dengan pelbagai perkara. Defendan pertama juga mengatakan bahawa plaintif

dan sebuah syarikat Well Equiped Sdn Bhd serta ahli keluarganya yang lain bersubahat untuk mengambil tindakan terhadap dia dan isterinya.

(i) Defendan pertama kemudiannya telah memfailkan permohonan di kandungan 18 untuk mengetepikan kandungan 1, 4, dan 9 atas alasan utama bahawa dasar pemberian perintah kandungan 9 adalah tidak sah dan terbatal.

(j) Fakta-fakta lain yang relevan akan disentuh di mana perlu di sepanjang penghakiman ini.

Saman Pemula: Kandungan 1

[5] Peguam plaintif berhujah bahawa terdapat dua isu utama bagi permohonan ini iaitu: sama ada plaintif mempunyai hak untuk mengakses dokumen-dokumen syarikat berkenaan? Dan, sama ada defendan pertama telah menafikan plaintif daripada mendapatkan akses kepada dokumen-dokumen tersebut?

[6] Peguam plaintif menghujahkan bahawa hak pengarah untuk mendapat akses kepada dokumen-dokumen syarikat merupakan hak statutori dan dijamin juga secara kontraktual. Untuk menyokong saranan ini peguam telah bersandarkan kepada peruntukan s. 167 Akta Syarikat 1965 dan juga Artikel 97 Tata Urusan Syarikat (Articles of Association). Peguam juga menghujahkan bahawa kausa tindakan plaintif terakru apabila adanya pelanggaran hak-hak ini. Sebagai pengarah, dihujahkan bahawa plaintif mempunyai *locus standi* untuk mengambil tindakan guaman. Dalam kes *Tan Guan Eng & Anor v. Ng Kweng Hee & Ors* [1991] 3 CLJ 1881; [1991] 4 CLJ (Rep) 74; [1991] 3 MTC 288 di ms. 75 (CLJ) dikatakan:

> If a director is excluded from participation in the management of a company, he can sue in his own right as a director. A *prima facie* case for piercing the corporate veil has been established.

[7] Mengenai hujahan defendan pertama bahawa dia tidak pernah menafikan hak akses tersebut kepada plaintif dan tidak pernah juga menyembunyikan apa-apa dokumen, peguam plaintif menghujahkan bahawa fakta dan dokumen kontemporari berikut membuktikan secara konklusif bahawa defendan pertama telah menafikan plaintif hak tersebut dan defendan pertama telah selanjutnya menyembunyikan dokumen-dokumen:

(i) setelah perintah berkenaan diserahkan kepada defendan pertama, defendan pertama melalui surat peguamnya bertarikh 7 Mac 2012 menyatakan "We write to inform that D1 had returned all the company's documents to the place of business". Dihujahkan jika defendan pertama tidak menyembunyikan dokumen tersebut, dia sepatutnya tidak ada apa-apa untuk "dipulangkan";

(ii) hanya sehingga 13 April 2012 di mana plaintif memberi amaran untuk mengambil tindakan menghina mahkamah terhadap defendan pertama, barulah defendan pertama secara berat hati memberikan akaun syarikat kepada plaintif;

(iii) percubaan defendan pertama untuk mengalihkan 15 kotak dokumen daripada syarikat pada 8 Februari 2012;

(iv) satu catatan yang ditulis oleh isteri defendan pertama, Rani, dijumpai dalam syarikat setelah perintah dikeluarkan. Catatan itu menyebut "Foo Audit Discussion ... transfer all money out (400k) ... I don't want the other director to question ... I want only account clean! No question can be asked from the other director ...".

Plaintif menghujahkan bahawa dokumen kontemporari ini adalah lebih baik daripada tohmahan defendan pertama. Saranan ini disokong oleh keputusan kes *Standard Chartered Bank v. KTS Sdn Bhd* [2006] 4 CLJ 79 (MP) di mana di ms. 91 dinyatakan:

> The documents that I have referred to are contemporary documents, and their evidential value has long been recognized by this court in *Yong Nyee Fan & Sons Sdn Bhd v. Kim Guan & Co Sdn Bhd* [1979] 1 MLJ 182 when it made the following statement ...

Peguam plaintif menghujahkan bahawa hak perundangan plaintif telah dapat dibangkitkan dan telah dilanggar. Dengan itu memohon agar kandungan 1 dibenarkan.

[8] Peguam defendan pertama dalam jawapannya berhujah bahawa keseluruhan penghujahan plaintif adalah "misconceived and totally unsustainable" dan terdapat "a blatant violation of"

s. 167(3) dan s. 167(6) Akta Syarikat 1965. Peguam defendan pertama menegaskan bahawa kandungan 4 dan 9 telah terbatal kerana, antara lain:

(a) Seksyen 167 Akta Syarikat 1965 tidak membenarkan atau memberi hak kepada plaintif untuk memohon dan atau mendapatkan perintah injunksi *ex parte* di kandungan 9.

(b) Sekysen 167 melibatkan "Account to be kept". Seksyen 167(3) melibatkan "The records ... and shall be open to inspection by directors". Dan bukan untuk "mengambil dan memindahkan sepenuhnya semua dokumen-dokumen ...", seperti yang telah dipohon dan diperintahkan menurut perintah injunksi *ex parte* plaintif di kandungan 9 itu. Hanya seorang, "an approved company auditor ..." diberi kuasa, tertakluk terlebih dahulu beliau memberi aku janji kepada mahkamah, untuk memeriksa dokumen-dokumen syarikat, di bawah s. 167(6) itu.

(c) Di samping s. 167 Akta Syarikat 1965, saranan ini disokong juga oleh nas autoriti: *Chan & Koh on Malaysian Company Law* (2006); *Leong Sun Wing v. Wah Hup Engineering Works Sdn Bhd* (Unreported), di *Sourcebook of Singapore and Malaysian Company Law* (1986) di ms. 304; *Paul Nicholson lwn. Faber Medi-Serve Sdn Bhd & Satu Lagi* [2002] 5 CLJ 383; [2002] 1 MLJ 355; *Dato' Tan Kim Hor & Ors v. Tan Chong Consolidated Sdn Bhd* [2004] 1 CLJ 317; [2004] 1 MLJ 690; *Mageswary Kannaiah v. Vithylingam Mayandy & Anor* [2009] 9 CLJ 40.

[9] Dalam hujahan jawapannya, peguam plaintif menegaskan bahawa plaintif mempunyai hak di bawah s. 167 Akta Syarikat 1965 untuk memeriksa dokumen-dokumen syarikat yang berkenaan. Peguam mengemukakan hujah bahawa s. 167(3) menyatakan dengan terang bahawa rekod-rekod syarikat adalah terbuka untuk diperiksa oleh pengarah-pengarah. Seksyen 167(3) dan (6) dengan jelas membayangkan keadaan yang berbeza. Seksyen 167(6) tidak menghalang mana-mana pengarah daripada hak untuk memeriksa tetapi lebih merupakan suatu peruntukan yang memberi hak tambahan kepada pihak ketiga, ie, juruaudit syarikat yang diluluskan dengan syarat-syarat tertentu. Dihujah lanjut bahawa kedua-dua peruntukan ini hendakah dibaca secara harmoni untuk memberi kesan kepada rasional perundangan ini. Peguam juga mengatakan nas autoriti yang disandar oleh peguam defendan pertama di atas sebenarnya menyokong saranan ini.

Analisa Mahkamah

[10] Resolusi kepada persoalan yang dipertikaikan dalam permohonan ini berkisar kepada penentuan isu utama iaitu sama ada plaintif sebagai salah seorang daripada dua orang pengarah dalam syarikat defendan kedua berhak untuk mendapat akses kepada semua dokumen yang dimohon untuk tujuan diperiksa dan yang dinyatakan. Bagi tujuan ini, latar belakang tentang peranan dan tanggungjawab seorang pengarah dalam pengurusan dan perundangan syarikat perlu dihayati.

[11] Tidak boleh disangkal bahawa pengarah merupakan tunjang sesebuah syarikat dan mempunyai tugasan dan tanggungan yang amat berat dalam pengurusan dan operasi sesebuah syarikat. Sebagai permulaan, telah menjadi perundangan syarikat yang mantap bahawa sesebuah syarikat ialah seorang yang artificial dan tidak boleh bertindak dengan sendirinya: ia memerlukan orang yang sebenar untuk mewakili dan bertindak bagi pihaknya. Dalam *Ferguson v. Wilson* [1866] LR 2 Ch App 77, dinyatakan di ms. 89-90: 'The company itself cannot act in its own person ... it can only act through directors'. Dalam *Ernest v. Nicholls* [1857] 6 HL Cas 401, diputuskan di ms. 419: 'The shareholders can only act through their directors, and the acts of the individual shareholders have no effect whatever on the company at large'. Memberi deskripsi akan tugasan dan tanggungan ini, pengarang *Chan & Koh on Malaysian Company Law, Principles & Practice*, 2nd edn., di ms. 580 menyatakan:

> For the purpose of company law, it is proper to say that directors stand in a fiduciary relation to the company and all the powers entrusted to them are only exercisable in this fiduciary capacity. It is an elementary principle of company law that a position of a company director is fiduciary in character. The fiduciary character of directors stems from the relationship between the directors and the company which gives the directors a special opportunity to exercise a power or discretion to the detriment of the company which is accordingly vulnerable to abuse.

Tugasan fidusiari pengarah ini mestilah memberi manfaat terutamanya kepada syarikat dan dalam keadaan tertentu pemegang-pemegang saham, dan pemiutang-pemiutang. Dengan pindaan-pindaan baru kepada Akta Syarikat 1965 pada 15 Ogos 2007 skop tugasan fidusiari ini telah diperkembangkan dengan luas antara lainnya: peranan dengan lebih jelas lembaga pengarah (s. 131B); s. 132 yang menyeluruh termasuk pelepasan tugasan tersebut mestilah bagi kepentingan terbaik syarikat (s. 132(1));

pengarah untuk bertindak dengan ketekunan, kemahiran dan berjaga-jaga yang munasabah (s. 132(1A)); business judgment (s. 132(1B)); dan amnya s. 132A - s. 132F. Pertambahan tanggungjawab ini juga merangkumi hukuman dan penalti bagi apa-apa ketidakpatuhan kepada peruntukan-peruntukan tersebut. Pendek kata, pematuhan dan pelepasan tugasan dan tanggungan tersebut dengan baik menjadi landasan kukuh kepada kejayaan kepada pemantapan tadbir urus sesebuah syarikat, sama ada secara teori atau praktisnya, dan tanpa keraguan menyumbang kepada kejayaan perniagaan syarikat serta ekonomi negara.

[12] Berlatarbelakangkan tanggungjawab di atas bagaimanakah seseorang pengarah dapat memainkan peranannya dengan berkesan? Dari perspektif inilah isu permohonan plaintif harus dipertimbangkan. Seperti digariskan di atas plaintif memohon, antara lainnya, perintah: mengarahkan defendan-defendan untuk tidak menghalang plaintif mendapat akses kesemua dokumen yang berkaitan dengan akaun syarikat; memberikan plaintif akses kepada kesemua dokumen tersebut; mengarahkan defendan-defendan untuk tidak memusnahkan, mengubah, mengalih, menyembunyikan, merosakkan, menukarkan kesemua dokumen tersebut; mengarahkan defendan pertama untuk mendeposkan, memfailkan dan menyampaikan kepada plaintif satu afidavit yang mengandungi senarai penuh, lengkap dan tepat kesemua aset-aset, dokumen-dokumen dan akaun bank milik defendan kedua dan lokasinya, sama ada di dalam atau di luar Malaysia. Seperti dinyatakan, plaintif berhujah bahawa dia, sebagai pengarah syarikat, berhak memohon perintah di atas di bawah s. 167 Akta Syarikat 1965.

[13] Saya bersetuju sepenuhnya dengan penghujahan plaintif. Seksyen 167 Akta Syarikat 1965 memperuntukkan:

> **167 Accounts to be kept**
>
> (1) Every company and the directors and managers thereof shall cause to be kept such accounting and other records as will sufficiently explain the transaction and financial position of the company and enable true and fair profit and loss accounts and balance sheets and any documents required to be attached thereto to be prepared from time to time, and shall cause those records to be kept in such manner as to enable them to be conveniently and properly audited.
>
> (1A) Every company and the directors and managers thereof shall cause appropriate entries to be made in the accounting and other records within sixty days of the completion of the transaction to which they relate.

(2) ...

(3) The records referred to in subsection (1) shall be kept at the registered office of the company or at such other place in Malaysia as the directors think fit and shall at all times open to inspection by the directors.

(4) Notwithstanding the provisions in subsection (3), the accounting and other records of operations outside Malaysia may be kept by the company at a place outside Malaysia and there shall be sent to and kept at a place in Malaysia and be at all times open to inspection by the directors, such statements and returns with respect to the business dealt with in the records so kept as will enable to be prepared true and fair profit and loss accounts and balance sheets and any documents required to be attached thereto.

(5) ...

(6) The Court may in any particular case order that the accounting and other records of a company be open to inspection by an approved company auditor acting for a director, but only upon an undertaking in writing given to the Court that information acquired by the auditor during his inspection shall not be disclosed by him except to that director.

"Accounting records" dalam s. 4 merangkumi, in relation to a corporation, includes invoices, receipts, orders for payment of money, bills of exchange, cheques, promissory notes, vouchers and other documents of prime entry and also includes such working papers and other documents as are necessary to explain the methods and calculations by which accounts are made up. (Lihat makna "accounts" juga di situ).

[14] Peruntukan s. 167 di atas terutamanya s. 167(3) dalam memberi hak mandatori atau mutlak kepada mana-mana pengarah untuk mendapat akses untuk memeriksa dan membuat salinan, di mana perlu, sudah amat mantap dan tidak boleh dipertikaikan lagi. Dalam *Chan & Koh on Malaysian Company Law, Principles & Practice* (2nd edn.) di ms. 772 menyatakan:

> The accounting and other records of a company of operations within Malaysia must be open to inspection by the directors at all times. In the case of accounting and other records of operations outside Malaysia, such statement and records in relation to the business dealt with in the accounting and other records must also be open to the inspection by the directors.

A The provisions in section 167(3) and section 167(4) operate as a declaration of the common law right of a company's director to personally inspect and take copies of accounts belonging to the company, because the right is essential to the director for the proper performance of his duties as a director. In the celebrated case of *Edman v. Ross*, Street CJ made this remark:

B

> The right to inspect documents and, if necessary, to take copies of them is essential to the proper performance of a director's duties, and, though I am not prepared to say that the court might not restrain him in the exercise of this right if satisfied affirmatively that his intention was to abuse the confidence reposed in him and materially to injure the company, it is true nevertheless, that its exercise is, generally speaking, not a matter of discretion with the court and that he cannot be called upon to furnish his reasons before being allowed to exercise it.

C

D

(Lihat juga *Haw Par Bros (Pte) Ltd v. Dato Aw Kow* [1973] 1 LNS 44; [1973] 2 MLJ 169; *Leong Sun Wing v. Wah Hup Engineering Works Sdn Bhd* (Unreported, (*Sourcebook of Singapore and Malaysian Company Law*; dan, *Wuu Khek Chiang George v. ECRC Land Ltd* [1999] 3 SLR 65, di mana hak untuk memeriksa dikatakan sebagai hak yang mutlak).

E

[15] Seterusnya dalam *Paul Nicholson lwn. Faber Medi-Serve Sdn Bhd & Satu Lagi* [2002] 5 CLJ 383; [2002] 1 MLJ 355, fakta dan isunya sama dengan kes sekarang ini yang mana permohonan pengarah defendan pertama (plaintif) telah ditolak oleh defendan pertama. Walau bagaimanapun, defendan pertama di situ mendakwa ia tidak menolak permintaan plaintif tetapi hanya menghendaki plaintif mengaku janji bahawa beliau tidak akan mendedahkan dokumen-dokumen syarikat tersebut kepada pihak ketiga (kebenaran bersyarat). Dalam membenar permohonan plaintif, Wan Adnan Muhamad H menyatakan:

F

G

> Pada pendapat saya, hak pengarah untuk akses kepada dokumen syarikat adalah hak mandatory yang diperuntukkan oleh undang-undang (s. 167 Akta tersebut) dan tiada sesiapa pun boleh melucutkan hak tersebut malahan oleh mahkamah sendiri, melainkan di luar peruntukan s. 167 tersebut. Hak statutory tersebut diperuntukkan supaya tanggungjawab yang dipikul oleh seseorang pengarah sesebuah syarikat dapat dilaksanakan dengan telus, adil dan saksama bagi manfaat syarikat khususnya dan menjaga kepentingan pemegang-pemegang saham amnya. Seseorang pengarah berhak mengetahui apa yang berlaku dalam syarikatnya. Pengetahuan boleh didapati melalui dokumen-dokumen

H

I

syarikat seperti rekod akaun dan rekod-rekod yang lain. Kewujudan perkataan 'rekod-rekod lain' dalam peruntukan s. 167(3) digubal khusus supaya tanggungjawab pengarah dapat dilaksanakan dengan menyeluruh. Ia merangkumi apa-apa rekod yang berada dalam pegangan syarikat. Untuk menjaga kepentingan syarikat, peruntukan tersebut memperuntukkan bahawa dokumen syarikat hanya untuk kegunaan syarikat gugur apabila seorang pengarah tidak lagi memegang jawatan pengarah (lihat *Haw Par Bros (Pte) Ltd v. Dato Aw Kow* [1973] 2 MLJ 169). Ini adalah hasrat tersirat penggubal undang-undang bagi menghindar penyelewengan terjadi dengan sewenang-wenangnya dalam sesebuah syarikat.

Prinsip yang sama telah disahkan dalam kes *Dato' Tan Kim Hor & Ors v. Tan Chong Consolidated Sdn Bhd* [2004] 1 CLJ 317; [2004] 1 MLJ 690. Walaupun permohonan di bawah s. 167(6) telah ditolak namun prinsip berikut disahkan:

Held:

(1) The right of a director to inspect the accounting and other records of a company is a common law right, the existence of which is recognized in the Companies Act 1965. This right of a director is concomitant with the fiduciary duties of good faith, care, skill and diligence which the director owes to the company. It must be exercised for the benefit of the company. Pursuant to s. 165 of the Companies Act 1965, the obligation of a company to allow inspection by its directors of its accounting and other records is mandatory. This 'absolute right' indicates that by virtue of his office, a director is *prima facie* entitled to inspection and is not required to demonstrate any particular ground or 'need to know' as a basis.

Prinsip yang sama juga telah diputuskan dalam kes *Mageswary Kannaiah v. Vithylingam Mayandy & Anor* [2009] 9 CLJ 40.

[16] Peguam defendan pertama berhujah dengan tegas bahawa perintah kandungan 9 dan asas permohonan kandungan 1 terbatal dan tidak sah kerana permohonan plaintif tidak mematuhi kehendak s. 167(3) dan s. 167(6). Jika peguam mengatakan bahawa kehendak s. 167(3) tidak dipatuhi sepenuhnya kerana dokumen yang dipohon tidak termasuk dalam jenis dokumen yang dimaksudkan dalam s. 167(3), saya berpendapat hujahan tersebut jauh meleset kerana dokumen yang perlu diperiksa dan hendak diakses semestinya ada dan tidak terhalang atau dihilangkan. Harus dicatatkan asas permohonan ini berkait rapat dengan

tanggungjawab seorang pengarah yang lain di bawah ss. 132, 359 dan 362 dan dibaca bersekali dengan Tata Ujud atau Tata Urusan defendan kedua. Jika peguam bermaksud s. 167(3) dan s. 167(6) harus dibaca bersama, penghujahan ini bertentangan dengan maksud sebenar peruntukan dan ternyata tersasar. Saya berpendapat s. 167(3) harus dibaca secara berasingan dan tidak tertakluk kepada s. 167(6). Saranan ini jelas disokong daripada nas autoriti di atas yang telah dengan jelas memutuskan bahawa pengarah berkenaan bebas dan berhak memohon untuk akses dan memeriksa tanpa halangan dan tanpa syarat yang boleh menafikan hak itu. Seksyen 167(6) pula merupakan peruntukan berasingan dan terpakai dalam keadaan tertentu dan pemakaiannya perlu memenuhi syarat yang dinyatakan di situ. *Chan & Koh,* dan kes-kes di atas, *supra*, menyatakan bahawa peruntukan s. 167(6) 'is enacted in aid of the right to inspection which is given to a director by s. 167(3) and s. 167(6)'. Dalam kes *Paul Nicholson*, *supra*, jelas menunjukkan perbezaan dalam pemakaian kedua-dua peruntukan ini. Dalam kes itu syarat yang dikenakan ke atas plaintif oleh defendan di bawah s. 167(3) adalah salah kerana mempunyai kesan yang menafikan hak mutlak yang diberikan oleh undang-undang. Bagaimanapun aku janji yang dikenakan adalah terhadap juruaudit di bawah s. 167(6). Begitu juga dalam kes *Dato' Tan Kim Hor & Ors* permohonan khusus di bawah s. 167(6) telah ditolak kerana aku janji yang dikemukakan cacat dan tidak mematuhi kehendak s. 167(6). Dalam kes sekarang plaintif tidak memohon di bawah s. 167(6) dan dengan itu tidak ada isu atau persoalan tentang keperluan untuk satu aku janji atau sebaliknya.

[17] Saya juga berpendapat, atas imbangan kebarangkalian, bahawa plaintif tidak membuat permohonan dalam kandungan 4 untuk menyalahguna kuasa yang diberikan oleh undang-undang ini atau untuk merosakkan atau menjejaskan defendan kedua. Diperhatikan walaupun defendan pertama mengatakan dia tidak menghalang plaintif untuk akses ke atas dokumen-dokumen berkenaan namun tindak-tanduknya seperti yang dinyatakan dalam afidavit-afidavit plaintif menunjukkan sebaliknya. Memandangkan plaintif dan defendan pertama merupakan dua orang pengarah defendan pertama serta dua pemegang sahamnya, yang boleh dikatakan sebuah syarikat keluarga, mereka juga merupakan ahli lembaga pengarah. Selaras dengan kehendak tadbir urus syarikat, mereka sepatutnya berkerjasama dan bukan bertelingkah seperti ini yang berkemungkinan boleh menjejaskan atau memusnahkan

defendan kedua. Plaintif dengan jelas menyatakan bahawa tindakannya bertujuan untuk kebaikan defendan kedua. Ini selaras dengan skema perundangan Akta Syarikat 1965 berkenaan dengan tanggungjawab seseorang pengarah.

[18] Berdasarkan pertimbangan di atas saya bersetuju dengan hujahan peguam plaintif dan membenarkan kandungan 1 dengan memberikan perintah (1), (2), (3) dan (4) sepertimana dipohon.

Kandungan 18: Membatalkan Kandungan 4 Plaintif

[19] Undang-undang mantap dalam *Bandar Builder Sdn Bhd & 2 Ors v. United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 4 CLJ 7; [1993] 3 MLJ 36, menyatakan:

> Held, dismissing the appeals:
>
> (1) The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O. 18 r. 19 of the Rules of the High Court 1980 are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule and the summary procedure can only be adopted when it can clearly be seen that a claim or answer is on the face of it "obviously unsustainable". It cannot be exercised by a minute examination of the documents and the facts of the case in order to see whether he has a cause of action or defence.
>
> (2) ... So long as the pleadings disclosed some cause of action or raised some question fit to be decided by the judge, the mere fact that the case was weak and not likely to succeed at the trial was no ground for the pleadings to be struck out.

[20] Susulan daripada keputusan saya dalam kandungan 1 di atas, permohonan kandungan 18 dengan tersendirinya tumbang. Sebagai kesimpulan daripada pertimbangan kedua-dua permohonan tersebut saya dengan ini membenarkan kandungan 1 seperti dinyatakan di atas dan pada masa yang sama menolak permohonan defendan pertama dalam kandungan 18. Saya juga memberikan kos sebanyak RM10,000 kepada plaintif bagi kedua-dua permohonan berkenaan.